

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

SOALAN NO. 548

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status perancangan untuk memberi perkhidmatan imunisasi suntikan “pneumococcal” kepada warga Malaysia secara percuma.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang menjalankan persediaan rapi bagi melaksanakan program pemberian vaksin pneumokokal konjugat (pneumococcal conjugate vaccine, PCV) kepada kanak-kanak berdasarkan peruntukan permulaan sebanyak RM60 juta untuk seperti yang diumumkan melalui pembentangan Belanjawan 2020.

Rundingan harga telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) namun perolehan vaksin akan dilaksanakan secara tender terbuka. Buat masa ini, terdapat dua produk vaksin pneumokokal konjugat yang berdaftar di Malaysia. Perolehan vaksin secara tender pusat dengan jumlah perolehan dos yang tinggi membolehkan harga vaksin yang diperoleh oleh KKM lebih rendah dari harga pasaran di fasiliti kesihatan swasta.

Sekian, terima kasih.